

KAMUS DEWAN PERDANA: TINJAUAN MAKLUMAT ETIMOLOGI

(Kamus Dewan Perdana: A Glimpse at Etymological Information)

James T. Collins
jtcukm@yahoo.com

Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Rujukan artikel ini (*To cite this article*). James T. Collins. (2023). *Kamus Dewan Perdana: Tinjauan maklumat etimologi*. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 16(2), 209–238. [https://doi.org/10.37052/jm.16\(2\)no3](https://doi.org/10.37052/jm.16(2)no3)

Peroleh: <i>Received:</i>	14/3/2023	Semakan: <i>Revised</i>	15/4/2023	Terima: <i>Accepted:</i>	5/5/2023	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i>	5/7/2023
------------------------------	-----------	----------------------------	-----------	-----------------------------	----------	--	----------

Abstrak

Pada tahun 2020, *Kamus Dewan Perdana* (KDP) telah muncul di pentas sejarah sebagai kamus Melayu yang terbaik sejak penerbitan kamus Wilkinson pada 1932, iaitu hampir seratus tahun lalu. Antara aspek KDP yang terserlah dan harus dipuji ialah menampilkan maklumat etimologi dalam sebahagian entrinya. Dalam tulisan ini, hanya beberapa etimologi daripada 7000 etimologi dalam KDP yang dipilih sebagai data yang dibandingkan dengan format dan kandungan dalam kamus umum yang lain. Maklumat etimologi yang dipilih itu termasuklah informasi dalam entri yang melibatkan kata warisan mahupun kata pinjaman. Masalah kemusykilan dan kelompangan maklumat etimologi KDP turut ditinjau. Dengan menyemak pada contoh pilihan tersebut, ternyata sebarang semakan KDP untuk maklumat etimologi harus berlandaskan prosedur operasi standard (*SOP*) yang dibincangkan dan diputuskan bersama.

Kata Kunci: *Kamus Dewan Perdana*, leksikografi, maklumat etimologi, prosedur operasi standard, kata warisan, kata pinjaman

Abstract

In 2020, Kamus Dewan Perdana (KDP) made its appearance on the stage of history as the best Malay dictionary since the publication of Wilkinson's dictionary in 1932—almost one hundred years ago. Among the aspects of KDP that stand out as praiseworthy is the effort to present etymological information for some of the entries. In this essay, a few of the 7000 etymologies found in KDP were selected as

data to be compared with the format and content of etymologies in other general dictionaries. The etymologies selected here include both inherited words and loanwords. Furthermore, the problems of confusing etymologies as well as gaps in etymological information in KDP are also reviewed. By surveying selected examples in this way, it becomes obvious that any revisions to KDP's etymological information must be based on a standard operating procedure (SOP) that should be discussed and decided together.

Keywords: Kamus Dewan Perdana, *lexicography, etymological information, Standard Operating Procedure, inherited words, loanwords*

PENDAHULUAN

Pada tahun 1980-an, penyusunan kamus tidak dianggap sebagai usaha ilmiah, bahkan dipandang sebagai “*art and craft*” (Landau, 1989).¹ Namun begitu, pada akhir abad kedua puluh, status leksikografi berubah kerana pengolahan kamus memerlukan dasar linguistik. Tambahan lagi, sama ada ilmu linguistik mahupun leksikografi haruslah berlandaskan pendekatan empirikal dan prosedur induktif. Svensen (2009:2) mendefinisikan leksikografi seperti yang berikut:

[A]n activity which consists in observing, collecting, selecting, analysing and describing, in a dictionary, a number of lexical items... belonging to one or more languages.

Dalam deskripsi Svensen ini, jelas bahawa kaedah empirikal tergambar dengan “observasi, pengumpulan” dan prosedur induktif melibatkan “pemilihan, pembahasan dan deskripsi”. Sekiranya dibandingkan kandungan *Kamus Dewan Perdana* (KDP) terbitan tahun 2020 dengan kamus Melayu ekabahasa sebelumnya, termasuk *Kamus Dewan* Edisi Keempat (2005), perbezaan wawasan, prosedur, cakupan dan mutu terserlah antara kamus-kamus tersebut. *Kamus Dewan Perdana* harus diakui sebagai kamus Melayu yang bukan sahaja cemerlang tetapi juga yang terbaik dalam sejarah perkamusan Melayu dalam tempoh 500 tahun.²

Kecemerlangan *Kamus Dewan Perdana* berasaskan beberapa Langkah yang diambil pada tahap awal perencanaan kamus ini. Antara langkah awal pembinaan *Kamus Dewan Perdana* harus dicatat penganjuran Kursus Etimologi II di Balai Seminar, Dewan Bahasa dan Pustaka, yang diadakan pada 12-13 April 2000. Kursus itu diadakan dalam rangka persiapan Kamus Umum Bahasa Melayu (KUBM) yang giat diusahakan pada waktu itu. Dua puluh tahun kemudian KUBM menjelma sebagai *Kamus Dewan Perdana* (KDP). Bahkan, dua orang pembentang makalah dalam kursus tahun 2000 tersebut diundang (KDP, 2020:xviii) untuk menyediakan beberapa

etimologi yang dimuatkan dalam KDP ini. Projek gemilang ini, KUBM→KDP, memperlihatkan kesinambungan upaya etimologi yang sangat berjaya. Namun begitu, upaya bersejarah itu hanya merupakan langkah awal.

Enam puluh tahun lalu A. Teeuw (1961:37) menyampaikan laporan tentang kamus etimologi Melayu. Menurutinya:

There is no Malay etymological dictionary in the modern sense. A few ordinary dictionaries at best indicate the origin of borrowed words, particularly those from outside the IN [Austronesian] languages, although they are not always reliable.

Pada akhir abad kedua puluh, beberapa mesyuarat diadakan di Dewan Bahasa dan Pustaka tentang kemungkinan menyusun kamus etimologi Melayu. Malah, pernah sarjana ahli bahasa Tamil, bahasa Parsi dan bahasa Hindi di universiti terkemuka di Amerika Syarikat ditemu bual tentang kemungkinan menulis etimologi kata pinjaman sesuai bidang mereka masing-masing untuk kamus etimologi Melayu. Sayangnya usaha kamus etimologi Melayu tidak diteruskan. Walau bagaimanapun, sebahagian huraian etimologi yang disediakan untuk KDP, yang mungkin terlalu panjang dan terperinci untuk kamus umum, seperti KDP ini, dapat dimanfaatkan sebagai asas permulaan kamus etimologi Melayu. Memang, masih diperlukan pengkajian yang mendalam justeru tentang kata pinjaman bahasa Tamil, Parsi dan Hindi yang disebut di atas serta puluhan bahasa lain yang menyumbangkan kosa kata kepada komuniti penutur bahasa Melayu.

Dalam tulisan yang sederhana ini, yang disoroti hanya peningkatan mutu pada satu aspek leksikografi KDP sahaja. Ternyata dalam sebahagian entri KDP, leksem bukan hanya didefinisikan, tetapi juga ditambahkan dengan maklumat etimologi; maksudnya, pada akhir entri ditampilkan huraian ringkas tentang asal usul leksem yang didefinisikan. Selain kamus Melayu dwibahasa yang disusun oleh Wilkinson (1932), kebanyakan kamus Melayu tidak terlalu mementingkan maklumat etimologi. Dalam Pendahuluan KDP (2020:xvii) “maklumat etimologi” disenaraikan antara lima “maklumat baharu” yang tampak dalam KDP.

Tambahan maklumat etimologi dalam KDP merupakan inovasi dalam sejarah leksikografi di Dewan Bahasa dan Pustaka. Makalah ini membincangkan tentang perbandingan, cadangan dan pemerhatian yang berhubungan dengan KDP sebagai karya leksikografi. Terdapat tiga fasal, yang mungkin dianggap cerewet dan menggurui, iaitu:

1. Kamus umum dan etimologi.
2. Format maklumat etimologi dan KDP.
3. Beberapa pemerhatian rawak tentang maklumat etimologi KDP.

KAMUS UMUM DAN ETIMOLOGI

Natijahnya, dapat dirumuskan bahawa etimologi meneliti kata demi kata dalam sesuatu bahasa melalui prosedur penyelidikan yang mendalam tentang sejarah, makna, bentuk dan konteks sosial kata itu dalam lingkungan semantiknya. Usaha multidisiplin ini melibatkan kata warisan yang didatangkan daripada bahasa purba yang menurunkan keluarga bahasa yang dianggotai oleh bahasa yang dikamuskan. Etimologi juga meneliti kata pinjaman yang diserap daripada pelbagai bahasa lain. Kajian etimologi yang menyeluruh berlandaskan berbagai-bagai kamus etimologi, seperti kamus etimologi yang termasyhur, *Oxford English Dictionary* (OED 1884-1928), yang menghuraikan asal usul kata Inggeris (Muggleston, 2000; Collins, 2002), atau kamus etimologi yang lain, misalnya *Etymologisch woordenboek: de herkomst van onze woorden*. (van Veen & van der Sijs, 1997) untuk bahasa Belanda dan *A Dravidian Etymological Dictionary* (Burrow & Emeneau, 1968) untuk bahasa-bahasa yang serumpun dengan bahasa Tamil.

Akan tetapi, KDP diterbitkan sebagai kamus umum bukan sebagai kamus etimologi. KDP dihasilkan untuk “pengguna daripada pelbagai lapisan masyarakat, latar belakang pendidikan dan bidang pengkhususan” dalam Kata Pengantar oleh Abang Sallehuddin (KDP, 2020:xi). Svensen (2009:334) menegaskan perbezaan antara kamus etimologi dan kamus umum:

These two types of dictionary, however, are intended for quite different user categories. The users of an etymological dictionary are mostly much more versed in linguistic matters, and they are ... able to assimilate complex linguistic information... These factors must all be taken into account when devising etymologies for a general-purpose dictionary.

Sebagai contoh, diperlihatkan ringkasan etimologi kata pinjaman **pic** dalam bahasa Melayu; dikutip daripada Collins (2018b:88):

“**pic** (Melayu) < *peach* (Inggeris) < *peche* (Perancis) < *pesche* (Perancis Purba) < *Persicum malum* (Latin ‘buah epal Parsi’) < Πέσσις (Yunani Purba ‘Negara Parsi’) < *Parsa* (Parsi Purba “negara Parsi”).”

Untuk keperluan kamus ekabahasa Melayu yang umum dengan pengguna yang bukan pakar sejarah atau ahli bahasa cukup untuk ditampilkan seperti ringkasan yang berikut:

ASAL: [< Ing *peach* < Prc *peche* < Lt *Persicum malum* ‘epal Parsi’]

Tiada keperluan untuk dicatatkan kesemua tahap perubahan dalam bahasa Perancis, juga maklumat tentang bahasa Yunani dan bahasa Parsi yang sering tidak dirujuk dalam kamus umum. Pada hakikatnya, sebelum maklumat etimologi untuk kamus umum diusahakan sudah difikirkan dan dipastikan tentang tahap keterperincian ringkasan etimologi yang hendak disampaikan. Dengan kata lain, sudah ditentukan prosedur operasi standard (SOP). Prosedur ini harus diikuti oleh semua staf dan editor yang bertanggungjawab untuk menguruskan maklumat etimologi dalam kamus umum. Dalam penentuan prosedur itu, harus disedari bahawa ruang untuk ringkasan etimologi adalah terbatas dalam kamus umum. Ketebalan KDP sudah mencecah 2529 halaman, ditambah 38 halaman pendahuluan dan bahan prelim lainnya. Oleh sebab itu, misalnya, etimologi **pic** dalam Collins (2018b) dipendekkan daripada tiga baris kepada baris tunggal untuk maklumat etimologi dalam kamus umum.

Format maklumat etimologi, pelbagai kependekan (umpamanya, Latin dipendekkan sebagai Lt) dan semua lambang yang digunakan juga haruslah seragam. Kesemuanya harus dirundingkan dan diputuskan agar setiap entri bersifat kemas dan disusun dalam format yang sudah dipersetujui dan dibakukan. Sumber leksem, baik kata warisan mahupun kata pinjaman, harus dinyatakan, dan bentuk kata dalam bahasa sumbernya dijelaskan dalam kamus. Jika makna dalam bahasa sumber berbeza, fakta itu harus dinyatakan juga supaya semua mafhum tentang prosedur yang ditetapkan dan maklumat ringkas tentang etimologi dalam kamus umum.

Yang selanjutnya, diterangkan tentang format dan isi ringkasan etimologi dalam kamus lain. Kamus umum yang dipilih sebagai contoh ialah *The Random House Dictionary of the English Language* (Flexner, 1987). Walaupun kamus ini memuatkan 315,000 entri, fokus dalam tinjauan ini ialah etimologi, terutamanya format dan skopnya. Ternyata bahawa edisi kedua kamus ini (1987) sudah ditingkatkan informasi etimologi. Menurut ketua editor (Flexner, 1987:vii):

Many etymologies of the first edition have been expanded and revised in the light of recent research and the work of our consultants... A particular effort has been made to specify the contribution to English vocabulary of non-European languages ...

Maka, dalam tinjauan ini, entri dalam kamus *Random House* yang dikemukakan di sini hanya maklumat etimologi dalam entri pilihan yang diperlihatkan agar sorotan analisis dan cakupan perbincangan dibatasi. Sebagai langkah awal, keterangan etimologi tentang dua **kata warisan** dalam bahasa Inggeris dilihat: EAT dan SEE. Dalam sistem kependekan kamus ini, *bef.* bermakna “sebelum”, biasanya tentang tahun penggunaan kata itu didokumentasikan, dan *c.* bermakna “kognat”³.

EAT “makan”

[bef. 900; ME *eten*, OE *etan*; c. G *essen*, Goth *itan*, L *edere*]

SEE “melihat”

[bef. 900; ME *seen*, OE *seon*; c. D *zien*, G *sehen*, ON *sja*, Goth *saihwān*]

Kedua-dua kata ini telah didokumentasikan dalam bahasa Inggeris sebelum tahun 900. Fakta ini bererti bahawa kedua-duanya termasuk kosa kata OE (*Old English* “Bahasa Inggeris Purba”, yakni sebelum tahun 1150). Daripada OE *etan* diturunkan kepada ME *eten* (*Middle English* “Bahasa Inggeris Menengah”: tahun 1150-1475) dan akhirnya pada leksem yang wujud sekarang, EAT. Demikian juga, leksem SEE diturunkan daripada bentuk OE *seon* yang berubah menjadi *seen* dalam ME.

Oleh sebab EAT dan SEE merupakan kata warisan, selanjutnya kognat dalam subcabang bahasa Germanik ditampilkan. Jadi, EAT dibandingkan dengan kognat dua bahasa Germanik lain, iaitu bahasa Jerman (G) dan Gothik (Goth). Leksem SEE pula dibandingkan dengan bentuk kognat dalam bahasa Jerman dan Gothik serta bahasa Belanda (D) dan bahasa Scandinavia Purba (ON ‘*Old Norse*’). Leksem EAT juga dibandingkan dengan kognat dalam bahasa yang tidak tergolong dalam subcabang Germanik, yakni bahasa Latin (L).

Ringkasan etimologi untuk EAT dan SEE hanya sebaris pada akhir entri masing-masing kerana formatnya padat dan selaras. Dua ciri format ringkasan etimologi untuk kata warisan dalam kamus ekabahasa Inggeris ini perlu diperhatikan.

1. **Leksem dibandingkan dengan bahasa yang tergolong dalam subcabang yang sama.** Bahasa Inggeris diklasifikasikan dalam keluarga Indo-Eropah, tetapi biasanya dalam ringkasan etimologi leksem Inggeris hanya dibandingkan dengan bahasa dalam subcabang Indo-Eropah yang sama, yakni subcabang Germanik, misalnya bahasa Jerman dan Belanda.
2. **Leksem dinyatakan sudah tampil dalam dokumentasi bahasanya dengan tarikh.** Sudah menjadi kebiasaan etimologi dilengkapi dengan **bentuk** sumber asal leksem itu, **makna** dalam sumber itu (jika semantikanya berubah) dan bukti **tahun** atau era leksem itu pertama kali dalam dokumen bertulis.

Prosedur yang seragam didapati telah ditentukan untuk menyampaikan informasi tentang etimologi. Selanjutnya, informasi etimologi untuk kata pinjaman dalam *The Random House Dictionary of the English Language* (Flexner, 1987) wajar disemak juga. Pertama, kata BEEF ditinjau. Dalam entri ini, kependekan yang khusus, yakni s., merujuk stem “kata dasar”, kerana leksem BEEF ini kata pinjaman, tidak ada kata seketurunan (kognat) dalam bahasa Germanik.

BEEF ‘daging lembu’

[1250-1300; ME < AF *beof*, OF *boef* < L *bov-* (s. of *bos*) ox, cow]

Maklumat etimologi ini bermula dengan kenyataan bahawa BEEF dikesan dalam bahasa Inggeris pada pertengahan abad ke-13, hanya 200 tahun sesudah kerajaan Inggeris kalah pada tentera Norman (yang berbahasa Perancis) pada tahun 1066 sehingga migrasi penguasa Norman terjadi. Seperti yang dijelaskan di atas, ME, iaitu Bahasa Inggeris Menengah, digunakan selama 300 tahun (1150-1475). Bahasa Inggeris dan bahasa Perancis menganggotai subcabang bahasa Indo-Eropah yang berbeza. Oleh itu, kata BEEF tidak diturunkan kepada ME sebaliknya diserapkan daripada AF (*Anglo-French*), yakni varian bahasa Perancis yang digunakan di pulau England oleh komuniti elit yang berbahasa Perancis sesudah 1066. Istilah *beof* dalam bahasa AF itu diturunkan daripada kata OF (Perancis Purba) *boef*. Bahasa Perancis Purba tergolong dalam subcabang bahasa Roman yang diturunkan daripada bahasa Latin. Jadi, kata dasar Latin, *bov-* menurunkan *boef* dalam bahasa Perancis Purba.

Selain kata pinjaman daripada bahasa Eropah, seperti BEEF, terdapat banyak istilah yang diserapkan daripada bahasa non-Eropah, termasuklah bahasa Melayu. Dua kata pinjaman yang dibahaskan di bawah memperlihatkan kompleksiti penyerapan kosa kata Melayu dalam bahasa Inggeris. Umpamanya, dua entri yang berikut:

AMUCK

[1510-1520; var. of AMOK]

AMOK

Also, **amuck** [1865-70; < Malay amuk]

Leksem AMUCK muncul dalam teks pada awal abad ke-16, tetapi seperti diserapkan lagi pada pertengahan abad ke-19 dengan ejaan yang berbeza, yakni AMOK. Kedua-dua entri ini saling merujuk dalam kamus *Random House*.

AMOK didefinisikan sebagai “*a psychic disturbance*”.

Leksem yang berikutnya ini dianggap “*neurotic behavior*”.

LATAH

[1880-1885; < Malay]

Dua ciri dalam format maklumat etimologi dalam kesemua kata pinjaman ini perlu diperhatikan (BEEF, AMUCK, AMOK, LATAH).

1. **Informasi yang disampaikan secara ringkas sahaja.** Tahun atau era leksem itu muncul dalam bahasa Inggeris dinyatakan tetapi tarikh kata itu tampil dalam bahasa sumbernya tidak dinyatakan.
2. **Sebagai kata pinjaman informasi tentang bentuk dalam bahasa lain tidak dimasukkan.** Dianggap mencukupi sekiranya dimaklumkan tentang bahasa yang menyumbangkan kata pinjaman. Namun begitu, walaupun tidak ada kognat perbandingan, saluran leksem BEEF ditelusuri dalam beberapa tahap bahasa Perancis sehingga kata dasar Latin, *bov-*.

Tentu sahaja banyak lagi contoh maklumat etimologi yang dapat dirujuk dalam kamus *Random House*. Sebahagiannya lebih kompleks, misalnya entri COMPOUND2 dan GODOWN yang melibatkan bahasa Melayu juga.⁴ Namun begitu, fokus makalah ini ialah KDP dan bukannya kamus *Random House*. Oleh sebab itu, tinjauan dalam tulisan ini beralih kepada struktur atau format maklumat etimologi dalam KDP dengan perbandingan format kamus lain.

FORMAT MAKLUMAT ETIMOLOGI DAN KDP

Sebagai data analogi, hasil tinjauan tentang format maklumat etimologi dalam kamus *Random House* dapat dibandingkan dengan format maklumat etimologi dalam KDP. Dalam pembahasan entri KDP, empat analisis tentang format etimologi kamus *Random House* berfungsi untuk membahaskan format etimologi KDP. Keempat-empat analisis itu diringkaskan seperti yang berikut:

1. Leksem dibandingkan dengan bahasa yang tergolong dalam subcabang yang sama.
2. Leksem yang dinyatakan tampil dalam dokumentasi bahasanya dengan tarikh. Biasanya disertakan bentuk sumber asal leksem itu dan makna jika semantikanya berubah.
3. Informasi yang disampaikan secara ringkas sahaja.
4. Sebagai kata pinjaman informasi tentang kognat dalam bahasa lain tidak dimasukkan.

Dalam perbincangan ini, huraian bermula dengan **kata warisan**. Dalam KDP banyak kata warisan yang dilengkapi dengan informasi etimologi. Hanya beberapa kata warisan yang disemak di sini. Dasar perbandingan adalah mengikut empat analisis di atas, jika dianggap relevan.

Tinjauan ini bertolak daripada dua leksem yang sangat lazim dalam bahasa Melayu: API dan AIR. Kedua-duanya merupakan kata yang diwariskan sejak empat ribu tahun lalu, seperti EAT dan SEE dalam bahasa Inggeris. Anehnya, dua leksem yang asasi dalam bahasa Melayu mungkin tidak diurus dengan prosedur yang sama.

Peliknya, leksem yang mungkin digunakan setiap hari, yakni API, tidak dilengkapi dengan maklumat etimologi.

API

TIADA ETIMOLOGI

Tentu sahaja ramai sarjana yang sudah mengkaji leksem API dalam karya mereka tentang bahasa Austronesia purba serta bahasa-bahasa turunannya, misalnya Dempwolff (1938:16), Nothofer (1975:228) serta Blust dan Trussel (2022). Sayangnya, tidak diketahui prosedur di Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menentukan leksem yang hendak dilengkapi dengan informasi etimologi. Seperti yang ditekankan oleh Svensen (2009) prosedur operasi standard (*SOP*) sangat mustahak dalam penyusunan maklumat etimologi untuk sebuah kamus umum.

Sebaliknya, keterangan etimologi tentang AIR dalam KDP memang banyak, malahan mungkin terlalu banyak.

AIR

ASAL: [drp MP **air*: Mn *ai*²; MJP **wair* Sd *cai*?; MPP **wahir*: Ceb *wahig* ‘sungai’, Lam, *wai* ‘air, Hwn *wai* ‘air’]

Sekadar perbandingan, ternyata bahawa dalam kamus *Random House*, kata warisan Inggeris tidak dibandingkan dengan bahasa purba Indo-Eropah. Pada hakikatnya, kata warisan Inggeris hanya dibandingkan dengan kognat dalam bahasa yang menganggotai subcabang yang sama. Dalam hal bahasa Inggeris, leksem dibandingkan dengan bahasa subcabang Germanik (umpamanya bahasa Belanda dan Jerman). Dalam hal klasifikasi bahasa Melayu, penelitian Nothofer (1975) telah membuktikan bahawa bahasa Melayu menganggotai subcabang bahasa Melayu-Javanik.⁵ Sesuai dengan hasil tinjauan kamus *Random House*, dalam kamus umum, tidak diperlukan rekonstruksi bahasa purba seperti bahasa Indo-Eropah. Dalam kes kamus Melayu, bahasa Melayik Purba (MP) atau bahasa Melayu Polinesia Purba (MPP) adalah tidak relevan. Begitu juga, maklumat tentang bahasa Cebuano (Ceb), bahasa Lamaholot (Lam) dan bahasa Hawaii (Haw) tidak wajar dicantumkan dalam kamus umum seperti KDP. Hampir semua data yang ditampilkan dalam maklumat etimologi AIR merupakan bahan yang sesuai untuk kamus etimologi bahasa Melayu, bukan kamus umum. Yang patut dikemukakan ialah kognat dalam bahasa yang

termasuk subcabang Melayu-Javanik. Umpamanya, semakan yang dicadangkan seperti yang berikut:

AIR

[1521; *haer*; k. Mn *ai^ə*, Mdr *aeŋ*, Sd *cai?*]

Dalam contoh ini, tarikh **1521** dimasukkan kerana maklumat etimologi leksem seharusnya tampil dengan tarikh (tahun atau era) ketika kata warisan ditemukan dalam teks yang sahih. Pada akhir tahun 1521, Antonio Pigafetta mencatatkan kosa kata Melayu di Pulau Tidore; maka, sementara menunggu penyusunan kamus etimologi Melayu,⁶ data Pigafetta dimanfaatkan.⁷ Tarikh 1521 ini diikuti bentuk *haer* yang didapati dalam kamus Pigafetta (Bausani 1972:148). Kemudian, kognat yang terdapat dalam bahasa subcabang yang sama, yakni subcabang Melayu-Javanik, ditampilkan. Mn ialah singkatan *Minangkabau* yang kadang dianggap bahasa sendiri, padahal sebenarnya dialek Melayu juga (Collins, 2021). Jadi, semua dialek Melayu merupakan anggota subcabang Melayu-Javanik; begitu juga, bahasa Sunda (Sd) dan bahasa Madura (Mdr); lihat Nothofer (1975). Kebetulan leksem bahasa Jawa berbeza dan tidak dicantumkan.

KDP berstatus kamus umum dan penggunaannya tidak terhad kepada ahli linguistik; lihat pernyataan Abang Sallehuddin dalam KDP (2020) tentang pengguna KDP. Selari dengan format maklumat etimologi untuk AIR, di bawah dicadangkan maklumat etimologi untuk API, yang tidak diusahakan dalam entri API dalam KDP. Informasi etimologi ini sekadar cadangan sahaja.

API

[1521; *appi*; k. Mdr *apoy*, Jw *pr-ape-n* (tungku dapur)]

Tarikh 1521 ini berdasarkan catatan Pigafetta, seperti tarikh AIR di atas. Bentuk dalam tulisan Pigafetta muncul sebagai *appi*. Selain bahasa Melayu, bahasa Madura (Mdr) dan bahasa Jawa (Jw) menganggotai subcabang Melayu-Javanik. Makna dalam kata Jawa yang berimbuhan bukan “api”; oleh sebab itu, makna yang berbeza ditampilkan juga.⁸

Terdapat dua **kata warisan** lain yang wajar dipertimbangkan di sini. Kedua-dua leksem ini sering digunakan dalam bahasa Melayu kontemporari: BINI dan BETINA. Seperti AIR dan API, dua leksem ini dapat ditelusuri sehingga empat ribu tahun lalu.

Leksem BINI tidak dilengkapi dengan apa-apa maklumat etimologi.

BINI

TIADA ETIMOLOGI

Walaupun BINI muncul dalam KDP **tanpa** informasi etimologinya, ternyata leksem BETINA dilengkapi dengan maklumat etimologi sehingga bahasa Austronesia di Taiwan.

BETINA

ASAL: [drp MP **ina*: Swy *bətina*; AP **tina* ‘ibu’: Ruk *tina*, Tag, Sika *ina*, Sam *tina*]

Mungkin etimologi BETINA ini membingungkan kerana fokusnya terarah kepada INA bukan BETINA. Tambahan lagi, meskipun makna **ina* dalam bahasa Melayik Purba (MP) berbeza dengan BETINA, makna yang itu **tidak** dinyatakan. Malahan, tidak disinggung proses yang mengubah kata dasar **ina* sehingga menjadi BETINA dengan makna yang berubah pula. Dua pedoman untuk menyusun maklumat etimologi dalam kamus umum perlu dibincangkan. Pertama, leksem harus dibandingkan dengan bahasa dalam subcabang yang sama. Pengguna kamus umum seperti KDP tidak memerlukan informasi tentang bahasa Rukai, Tagalog, Sika dan Samoa. Yang perlu ditampilkan hanya **kognat** dalam subcabang Melayu-Javanik. Kedua, KDP memuatkan juga entri INA, tetapi tiada etimologi sama sekali. Nampaknya, etimologi INA harus dicari dalam entri BETINA; tetapi entri INA dan BETINA tidak saling merujuk. Tiga entri lain: INANG, INDUK dan INDUNG yang berkaitan dengan INA tidak dirujuk. Ketiga-tiga entri KDP ini ditampilkan dengan etimologi tetapi tidak merujuk INA mahupun BETINA.

Maklumat etimologi untuk BETINA dalam kamus umum seharusnya mementingkan **tarikh**, **bentuk** dan **makna**. Begitu juga, rincian tentang perubahan daripada dasar kata INA sehingga menjadi BETINA mungkin boleh dimasukkan juga; lihat rincian dalam Collins (2018b:62–65). Namun begitu, hanya etimologi yang ringkas dikemukakan, seperti yang berikut:

BETINA

[1521; *aiambatina* (ayam betina); k. Swy *bətina*, Mn *batino*]

Dalam contoh BETINA ini, tahun **1521** ditampilkan kerana kata warisan ditemukan dalam teks kamus Pigafetta. Data ini dirujuk sementara menunggu kajian kosa kata prasasti Melayu di Sumatera dan Bangka mahupun di Ulu Terengganu.⁹ Tarikh 1521 ini diikuti Bentuk yang terdapat dalam kamus Pigafetta, yakni *aiambatina*. Baik varian Serawai mahupun varian Minangkabau merupakan dialek Melayu yang dituturkan di Sumatera bahagian barat. Kognat (k.) dalam dua dialek itu ditampilkan kerana belum ditemukan kognat anggota Melayu-Javanik lain.

Entri BINI dalam KDP tidak diurus dengan maklumat etimologi. Mungkin etimologi yang berikut dapat dipertimbangkan.

BINI

[1603; *byny* (adj. ‘perempuan’), *biny* (adj. ‘betina’); k. Ban *bini* (betina), Mn *bini*, Mdr *binè*

Karya Frederick de Houtman, *Spraeck ende word-boek, inde Maleysche ende Madagaskarsche talen met vele Arabische ende Turcsche woorden*, yang berdasarkan pengalamannya sebagai tawanan di Aceh pada akhir abad ke-16, diterbitkan pada tahun 1603; dalam buku itu terdapat dua frasa yang menampilkan kata BINI:

ceniny byny “sepupu perempuan”¹⁰
gonda biny “kuda betina”

Tarikh pertama 1603 mungkin perlu disemak dengan teks lain yang lebih awal. Dalam teks de Houtman yang dikaji oleh Lombard (1970:181, 218) ini, BINI berfungsi sebagai adjektif. Jika muncul dengan kata nama manusia maknanya “perempuan”; jika merujuk binatang, maknanya “betina”. Dalam subcabang Melayu-Javanik terdapat kognat dalam dua dialek Melayu, Minangkabau (Mn) dan Banjar (Ban) dan juga dalam bahasa Madura (Mdr). Bentuk dalam semua kognat ini mirip dengan bentuk kata Melayu, tetapi dalam varian Banjar *bini* berstatus adjektif yang bererti “betina” dan digunakan untuk binatang. Mungkin menarik bahawa dalam kamus Wiltens dan Danckaerts (1623:76) entri *bini* bererti isteri. Jarak waktu hanya 20 tahun, tapi jarak antara Aceh dengan Ambon cukup jauh; mungkin mempengaruhi semantik BINI.

Dalam analisis kata warisan di atas, sumber yang dipilih untuk menentukan tarikh kemunculan leksem tertentu merupakan bahan cetakan abad ke-16 dan ke-17. Banyak sumber lain, termasuk prasasti, dan batu nisan yang bertarikh lebih awal, mungkin dapat dimanfaatkan juga; lihat Collins (2018a) tentang teks bahasa Melayu purba. Akan tetapi, kerana tulisan yang sederhana ini hanya merupakan usaha untuk menampilkan contoh analisis leksikografi tentang fungsi dan format informasi etimologi dalam kamus umum, maka penyemakan, pembahasan dan pemilihan contoh sengaja dihadkan. Dengan berpandukan tujuan makalah ini, selanjutnya, hanya dua **kata pinjaman** dalam KDP ditinjau. Kedua-dua leksem ini pernah digunakan dalam teks *Misa Melayu*, yang diangggarkan ditulis pada akhir abad ke-18.

Misa Melayu menceritakan sejarah kesultanan Perak, terutamanya pada masa pemerintahan Sultan Iskandar Zulkarnain Syah (1756-1777); see Iskandar (1965) dan Andaya & Andaya (1979). Pada zaman itu, Perak berperanan sebagai sumber timah sehingga terikat dalam jaringan perdagangan dengan Belanda dan India. Tidak menghairankan terdapat beberapa kata pinjaman dalam teks ini. Dua leksem yang hendak ditinjau di sini ialah LOJI dan BALUK. Kedua-duanya diserap daripada

bahasa Belanda, mitra dagang dan juga kuasa penjajah yang mengancam Perak pada akhir abad ke-18 (Collins, 1996b).

Kata LOJI masih digunakan dalam bahasa Melayu pada masa ini, tapi maksudnya sudah berubah, atau lebih tepat jika dikatakan bertambah, misalnya **loji air**. Dalam KDP, terdapat maklumat etimologi ini:

LOJI

ASAL: [drp Bld *loge* {RJ, Wi}]

Kamus Wilkinson (1932), yang dipendekkan dalam KDP sebagai Wi¹¹, memuatkan leksem LOJI dengan definisi dan maklumat etimologi: “[*Dutch loge*] *Lodge; factory station of the old East India Company.*”¹² Dalam *Misa Melayu* LOJI merujuk pada “markas perdagangan Belanda” (Collins 2018b:172). Pada abad ke-18 wakil VOC (“*East India Company*”) belayar dari Batavia (Jakarta) ke Perak untuk membeli timah. Kadang-kadang mereka mendiami markas di tebing sungai Perak di hilir Kuala Bidor (Teluk Intan); lihat Ahmad Fauzi (1992:l.iii). Tidak diragukan bahawa LOJI dipinjam daripada bahasa Belanda. Akan tetapi, kata Belanda itu diserapkan daripada bahasa Perancis. Malahan, seperti dipinjam dua kali dalam bahasa Belanda. Pertama kali, mungkin pada abad ke-13 leksem ini diserapkan dalam bahasa Belanda dengan makna “khemah, tempat tinggal sementara”, tetapi makna itu berkembang, dan pada abad ke-14 menjadi “rumah kecil”, berek (tentera). Lihat entri **loods** dalam laman sesawang /etymologiebank.nl/. Peminjaman *loge* pada kali kedua terjadi pada abad ke-18 dengan erti yang lebih “glamor”, misalnya “balkon di dewan konsert”. Dalam hal ini, entri **loge** dapat diakses dalam <https://etymologiebank.nl/> juga.

Kata LOJI ini sudah dibahaskan dalam Collins (2018b:172) tetapi usaha itu tidak dimasukkan dalam KDP. Mungkin maklumat etimologi yang lebih tepat untuk LOJI dapat dibayangkan dalam cadangan ini:

LOJI

ASAL: [1777; < Bld *loge* ‘rumah kecil, berek tentera’ < Prc *loge*]

Tarikh yang ditampilkan ini merupakan tahun wafatnya Sultan Iskandar Zulkarnain Syah. Mungkin lebih tepat jika ditulis “akhir abad ke-18”? Cara melaporkan tarikh harus ditentukan dalam *SOP* yang ditetapkan oleh editor KDP. **Bentuk** tetap menjadi **loge** kerana pada masa dipinjam sebutan dalam bahasa Belanda sudah mirip sebutan Perancis; maksudnya sudah bukan *loods* (<https://etymologiebank.nl/>). **Makna** dalam bahasa Belanda agak berbeza dengan semua definisi dalam KDP; oleh sebab itu definisi makna dalam bahasa Belanda dicantumkan dalam maklumat etimologi. Informasi etimologi yang disampaikan memang ringkas sahaja dan keterangan tentang kognat dalam bahasa lain tidak dimasukkan. Demikian juga, etimologi

ditelusuri hanya sampai bahasa Perancis. Etimologi kata **loge** dalam bahasa Perancis tidak termasuk tugas kamus umum seperti KDP.

Kata pinjaman kedua yang dibahasakan di sini terdapat dalam *Misa Melayu* (Raja Chulan, 1991). Beberapa jenis pengangkutan air yang disebut dalam teks *Misa Melayu*, misalnya *sulup* dan *keci*, terdapat juga BALUK. Istilah maritim ini menarik; apalagi Andaya & Andaya (1979) menawarkan deskripsi untuk kapal muatan ini: “*a single-masted lugsail boat, good beam, fairly flat floors... used for cargo*”. Dalam KDP maklumat etimologi disediakan seperti berikut:

BALUK

ASAL: [drp Por *faluca* ‘perahu pesisir dr Maghribi’ drp Ar *faluca*]

Tidak dinyatakan sumber etimologi yang terdapat dalam KDP ini. Walau bagaimanapun, jika dibandingkan dengan etimologi yang dikemukakan oleh Grijns, de Vries dan Santa Maria (1983) bahawa *balok/baluk* berasal daripada bahasa Portugis *faluca*, nampaknya ada persamaan.¹³ Dengan agak terperinci, Collins (2018b:175) menolak hujah Grijns dkk. (1983). Dalam bahasa Melayu [f] lazimnya disesuaikan dengan lafaz biasa dan [f] menjadi [p]. Jika sumbernya *faluca* dalam bahasa Portugis, bunyi [-a] pada akhir kata hilang ke mana? Dalam bahasa Melayu, kata serapan daripada bahasa Portugis yang berakhir dengan [-a] biasanya dikekalkan, misalnya *mentega*, *gereja*, *meja*, *kadera* dan sebagainya. Lebih munasabah jika BALUK dianggap sebagai kata pinjaman daripada bahasa Belanda *bark*, iaitu “sejenis kapal kecil”. Harus diakui bahawa mesti dijelaskan perubahan [r] > [l], tetapi sisipan vokal antara kelompok konsonan seperti **rk** tidak menghairankan.

Dengan semua pertimbangan ini, maklumat etimologi untuk leksem BALUK yang berbeza dengan maklumat KDP, diusulkan seperti yang berikut:

ASAL: [1777; < Bld *bark* < Prc *barque*]

Dalam penentuan **tarikh**, perkiraan tarikh penulisan *Misa Melayu* yang dianggap dasar penentuan tahun atau era. Akan tetapi, versi *Misa Melayu* yang diedit oleh Winstedt (1919) sebenarnya berdasarkan salinan teks yang dibuat pada tahun 1836 dan salinan itu pula kemudian “disalin serta ditambah... pada 25 Jun 1908” (Iskandar 1995:307). Masalah penentuan tarikh dan kesahihan **bentuk** data manuskrip seperti ini selalu timbul, jika data diperoleh daripada manuskrip (dalam bahasa apa-apun) yang sudah disalin dan ditambah, malahan mungkin dikemas kini sesuai dengan bahasa pada zaman penyalinan. Analisis dalam Collins (2018b, 174-175) menekankan sikap kritikal dan empirikal dalam semua usaha yang berkaitan dengan leksikografi. Manuskrip Melayu yang dibawa ke perpustakaan dan koleksi di Eropah

disimpan sejak zaman manuskrip itu diperoleh, tidak disalin lagi dan tidak diubah. Dalam hal ini, data yang dikemukakan oleh Gallop (1991) dan banyak penulisannya yang lain boleh dianggap sebagai contoh manuskrip yang disimpan tanpa perubahan sejak zaman pemerolehannya. Namun begitu, di alam Melayu cuaca dan iklim tidak menjamin umur panjang untuk manuskrip. Oleh sebab itu, manuskrip abad ke-18 yang disalin pada abad ke-20 daripada salinan yang dibuat pada abad ke-19 mungkin bukan sumber terbaik. Walau bagaimanapun, perbincangan Collins (2018b) tentang BALUK boleh dibandingkan dengan pelbagai analisis etimologi tentang asal usul *bark* dalam bahasa Belanda; lihat sahaja beberapa petikan daripada pelbagai buku etimologi Belanda untuk *bark* dalam laman sesawang /etymologiebank.nl/.

Hakikatnya, pengurusan dan penanganan maklumat etimologi dalam kamus umum memang rumit. Prosedur pelaksanaan bahan; dan prosedur (*SOP*) harus telus dan selalu disemak oleh pembantu editor dan penilai yang menangani maklumat yang disumbangkan.

BEBERAPA PEMERHATAAN RAWAK KETIKA MENINJAU MAKLUMAT ETIMOLOGI KDP

Sewaktu memilih contoh yang sesuai dalam tulisan ini yang berfokus pada topik format dan rujukan dalam maklumat etimologi KDP, terdapat dua masalah lain yang ditemukan. Dalam bahagian ketiga ini dua masalah ini disentuh secara ringkas. Pertama, maklumat etimologi yang dinyatakan dalam KDP kadangkala menimbulkan kekeliruan. Kedua, mungkin pembaca kurang mengerti prosedur yang menentukan leksem yang dipilih untuk dilengkapi dengan maklumat etimologi. Tentu sahaja, KDP ini merupakan edisi pertama dan mudah-mudahan akan disusuli dengan banyak edisi lain. Namun begitu, masalah kemusykilan dan kelompangan perlu difikirkan dalam penyusunan *SOP* yang sesuai untuk KDP edisi kedua.

Kemusykilan

Antara “7000 entri kata warisan dan kata pinjaman dalam kamus ini [yang] dilengkapi dengan maklumat etimologi pada bahagian akhir entri” (KDP, 2020:xviii), terdapat juga maklumat etimologi yang membingungkan. Hanya beberapa contoh kemusykilan ini dibahaskan dalam tulisan ini. Pertama, dua-tiga etimologi yang dianggap **kata warisan** dikemukakan.

Dalam diskusi bahagian kedua di atas, ditimbulkan isu tentang jumlah informasi yang hendak disampaikan dalam maklumat etimologi dalam kamus umum. Sememangnya kamus umum bukan kamus etimologi. Penggunaanya juga bukan ahli linguistik Austronesia. Dalam bahagian ini, dibincangkan tentang dasar untuk

menganggap sesuatu leksem itu sebagai kata warisan. Isu ini juga berkaitan dengan *SOP*. Sewaktu identifikasi etimon diusahakan, seharusnya sudah ditentukan prosedur yang seragam untuk memastikan leksem itu warisan atau pinjaman. Begitu juga, setelah etimologi selesai disusun oleh ahli yang dilantik, sepatutnya ada prosedur penyemakan yang seragam untuk staf yang bertugas.

Diskusi di sini bermula dengan leksem **sida** yang dilabel *kl* (klasik). Entri **sida** ini tidak jauh berbeza dengan entri **sida** dalam *Kamus Dewan* (2005:1488). Perbezaan yang jelas merupakan tambahan maklumat etimologi. Ringkasan entri KDP ini adalah seperti yang berikut:

sida *kl*

n gelaran kpd sso yg berketurunan bangsawan

sida-sida

n 1 pegawai di istana yg telah dihilangkan sifat kejantannya dgn dikembiri; 2 pegawai dlm istana, mis pendeta.

ASAL: [drp MP **sida* ‘kata ganti diri ketiga jamak’: Ban *sida* ‘kata ganti diri kedua (halus)’; AP **si-ida* ‘kata ganti diri ketiga jamak’: Tag *sila*, Saw *si*, Fiji *ira*]

Mungkinkah pengguna KDP musykil dengan etimologi ini? Apakah hubungan antara “gelaran bangsawan” dan “pegawai istana yang dikembiri” dengan “kata ganti diri ketiga jamak”? Di mana letaknya hubungan semantiknya?

Jawapannya jelas. Tidak ada hubungan sama sekali. Mungkinkah kita boleh membandingkan **kau** “kata ganti diri kedua tunggal” dengan **kao** “pekat, kuat, mis kopi, kari”? Sebutan kedua-dua entri ini sama atau hampir sama; namun, persamaan itu kebetulan sahaja. Tidak ada pertalian semantik yang membuktikan keturunan daripada kata purba yang sama. Dalam contoh **kau** dan **kao**, ternyata **kau** diturunkan daripada bahasa Melayu-Polinesia Purba sedangkan **kao** diserapkan daripada bahasa Hokkien. Bagaimana pula dengan **sida** istana dan **sida** kata ganti?

Sesungguhnya, dalam bahasa Melayu terdapat banyak pasangan kata (Collins, 2000) seperti yang berikut:

<i>negara</i>	<i>negeri</i>
<i>beta</i>	<i>beti</i>
<i>puja</i>	<i>puji</i>
<i>pura</i>	<i>puri</i>
<i>sela</i>	<i>seli</i>

Kebanyakan leksem ini diserap daripada bahasa Sanskrit atau bahasa Hindi. Misalnya, entri **beta** “hamba lelaki” dan juga entri **beti** “hamba perempuan” diserapkan daripada bahasa Hindi menurut Wilkinson (1932:132). Mungkinkah **sida**

juga memiliki pasangan seperti ini? Tentu sahaja. Dalam KDP (2020) pada halaman 2096, entri **sida** dengan etimologi yang menghairankan itu dapat dibaca, dan pada halaman sebelah (ms. 2097) ditemukan entri **sidi**.

sidi

adj 1 *kl* (bkn doa, jampi, mantera dsb) makbul dan diterima;

n 2 *Id* anggota gereja Kristian Protestan yg sah.

ASAL [drp Skt *siddhi* ‘berhasil’]

Berbeza dengan etimologi **sida** dalam KDP, maklumat etimologi **sidi** merujuk bahasa Sanskrit, bahkan sama dengan catatan etimologi Wilkinson (1932:469), iaitu “[Skr. *siddhi*]”. Kebetulan Wilkinson tidak mencadangkan etimologi untuk entri **sida**; akibatnya, muncullah etimologi kata ganti diri ketiga.¹⁴

Semasa Wilkinson menyemak dan menambahkan kamus dwibahasa Melayu-Inggerisnya (1903-1932)¹⁵, penelitian dan tulisan tentang pengaruh bahasa Sanskrit terhadap bahasa Melayu sebenarnya sudah banyak.¹⁶ Walau bagaimanapun, hanya dengan karya Gonda (1952), *Sanskrit in Indonesia*, maklumat yang terkandung dalam buku yang setebal 456 halaman itu ditambah, disatukan dan disusun secara sistematik. Karya Gonda ini wajar dimanfaatkan untuk meninjau **sida** dan **sidi**. Hubungan dua leksem ini jelas. Ternyata **sida** berasal daripada kata Sanskrit *siddha*- dan **sidi** berasal daripada kata Sanskrit *siddhi*-. Antara informasi yang diperoleh dalam Gonda (1952), terdapatnya definisi yang berikut:

siddha- “*accomplished, perfect, endowed with supernatural powers*” dan “*a holy person who has attained to a state of beatitude*” (Gonda 1952:163, 319)

siddhi- “*complete attainment in general, the acquisition of supranatural powers by magical means*” (Gonda 1952:56)

Nampaknya, *siddha*- berfungsi sebagai adjektif (misalnya, “sempurna”) atau kata nama yang merujuk orang memiliki sifat yang dimaksudkan (umpamanya “orang suci”), sedangkan *siddhi*- merupakan kata nama abstrak yang mendeskripsikan keadaan (misalnya “kesempurnaan”). Dapat disimpulkan bahawa dua leksem Sanskrit berasal daripada kata dasar yang sama.¹⁷ Dalam kamus de Houtman (1603) terdapat definisi hampir sama dengan definisi KDP: **Sida** “tuan” dan **Sida-sida** “orang yang sudah dikembiri” dan **Sidi** “anggota sesuatu kumpulan”¹⁸ (Lombard, 1970:235). Dapat disimpulkan bahawa 400 tahun lalu, **sida** merupakan gelaran untuk orang yang dihormati (seperti guru) dan juga deskripsi orang yang dikembiri.¹⁹

Setelah meninjau kamus bahasa Melayu lama dan tulisan Gonda dan Wilkinson, etimologi **sida** yang diajukan dalam KDP harus dibetulkan dengan maklumat yang

mengambil kira bahasa Sanskrit. Entri **sida** tidak berkaitan dengan bahasa Austronesia Purba kerana **sida** dengan dua definisi dalam KDP itu diserapkan daripada bahasa Sanskrit (mungkin melalui bahasa lain di India). Sementara itu, etimologi di bawah ini lebih meyakinkan untuk menggantikan etimologi yang terdapat dalam KDP.

sida

ASAL: [1603; drp Skt *siddha* ‘orang yang sempurna’]

Semakan yang dicadangkan ini menampilkan **tarikh** penerbitan kamus de Houtman dan memperlihatkan persamaan **bentuk** dan **makna**. Malahan, hubungan **sida** dengan **sidi** dalam bahasa Sanskrit dan juga dengan dua agama yang pernah berpengaruh dalam tamadun Melayu, yakni Hinduisme dan Buddhisme, dinilai sebagai bukti tambahan bahawa **sida** bukan kata warisan melainkan kata pinjaman dan sumbernya jelas.

Para penyusun maklumat etimologi sepatutnya bersifat kritikal, dan mempertimbangkan banyak kemungkinan. Selain **sida** yang ditinjau di atas, mungkin ada leksem lain yang dianggap kata warisan tanpa memikirkan sumber lain. Misalnya, dalam KDP (2020:505) entri **dendam** dan **denda** muncul bersebelahan di halaman yang sama. Definisi **dendam** yang pertama dan kedua memperlihatkan persamaan maknawi dengan definisi **denda**. Mungkinkah ada kerancuan semantik antara **dendam** dan **denda**? Sekali lagi, bukan isu semantik sahaja tapi perlu difikirkan bahawa banyak leksem Melayu diserap daripada bahasa Tamil, misalnya **gurindam**, **idam**, **logam**, **nilam** dan **pitam** (Gonda, 1952). Tambahan lagi, memang dalam bahasa Tamil terdapat banyak kata serapan daripada bahasa Sanskrit, antaranya **dhandam** “bayaran kerana bersalah, denda” yang diserapkan daripada kata Sanskrit **daṇḍa** “hukuman”. Adanya rekontruksi **dəmdəm* “ingatan” dalam bahasa Austronesia Purba memperlihatkan unsur semantik yang umum sedangkan **dhandam** dalam bahasa Tamil menunjukkan makna yang lebih dekat. Oleh sebab itu, sekurang-kurangnya kerancuan perlu difikirkan.

Dalam entri **sida** dan **dendam**, etimologi sebagai kata warisan dipersoalkan. Dalam KDP kadang-kadang ditemukan etimologi **kata pinjaman** yang juga diragukan. Salah satu contohnya ialah frasa **mala fide**. Frasa ini ialah istilah undang-undang dan diberikan petunjuk sebutan sebagai [malə fajdi]. Etimologinya yang menghairankan. Perhatikan:

mala fide

ASAL: [drp Bld drp Lt ‘tidak secara jujur’]

Dalam KDP, entri **mala fide** tidak diberikan label *Id*. Hal ini merupakan petunjuk bahawa yang didefinisikan ialah leksem bahasa Melayu di Malaysia. Memang istilah

hukum yang berasal daripada frasa Latin ini digunakan secara meluas di Eropah. Dalam bahasa Inggeris sahaja frasa **mala fide** ini sudah digunakan sejak tahun 1560. Masalah dengan entri KDP ini dikesan dalam maklumat etimologinya. Kamus ini kamus bahasa Melayu. Peguam di Malaysia mungkin belajar tentang hukum, prosedur mahkamah dan undang-undang dalam bahasa Inggeris. Mengapa dinyatakan bahawa **mala fide** masuk ke dalam bahasa Melayu melalui bahasa Belanda? Isunya bertambah aneh, jika kita perhatikan sebutan, yakni [malə fajdi]. Lambang IPA ini menunjukkan bahawa sebutan frasa **mala fide** dalam bahasa Melayu sama dengan sebutan dalam bahasa Inggeris di United Kingdom (UK). Lihat sahaja laman sesawang <https://dictionary.cambridge.org/pronunciation/english/mala-fide> yang membezakan sebutan UK dan sebutan Amerika Syarikat. Pembaca boleh membandingkan sebutan dalam bahasa Inggeris UK dengan sebutan **mala fide** dalam bahasa Belanda (<https://forvo.com/word/malafide/>). Maklumat etimologi seharusnya diperbetul:

mala fide

ASAL: [drp Ing drp Lt ‘tidak secara jujur’]

Seterusnya, masalah etimologi terdapat juga dalam kata pinjaman **asisten**. Leksem ini diberikan label *bb* (bahasa basahan) dan sudah pasti kita semua sudah pernah mendengar penggunaan kata **asisten** ini dalam percakapan tak formal. Anehnya, dalam KDP leksem ini juga dianggap kata serapan daripada bahasa Belanda.

asisten

ASAL: [drp Bld *assistent* drp *adistere* ‘menempatkan diri atau berdiri atau berhenti di]

Dalam entri KDP sebutan **asisten** dinyatakan sebagai [asistən]. Sekali lagi kalau mendengar kata Belanda ini dilafazkan (<https://forvo.com/word/assistent/>), sebutannya memang [asistént] dengan tekanan tambahan pada suku kata akhir. Sebutan vokal pada suku akhir leksem Inggeris [asistənt] dicerminkan dalam sebutan KDP, yakni [asistən]. Mengapa ungkapan dalam bahasa basahan sebagai kata pinjaman daripada bahasa Belanda? Berdasarkan sebutan dan peranan sosialnya (*bb*), bahasa penyalurnya pasti bahasa Inggeris. Seharusnya, maklumat etimologi mencerminkan bahasa penyalur yang tepat.

asisten

ASAL: [drp Ing *assistant* drp Lt *assistentem* ‘seorang yang menunggu di sebelah dan membantu’]

Sekiranya kita memanfaatkan Google, kebanyakan posting **asisten** dalam bahasa Melayu di Malaysia menyangkut pelbagai Asisten Komisioner Polis. Sekali-sekali

akan ditemukan “asisten kedai”, malah frasa itu sering dieja sesuai ejaan Inggeris “assistant kedai makan”, terutama dalam novel pop, seperti tulisan Faziela (2012). Ejaan ini membuktikan bahawa asal leksem “bahasa basahan” **asisten** ini daripada bahasa Inggeris.²⁰

Seterusnya, dikesani dua atau tiga entri yang dipinjam daripada sumber yang sama seperti *sida* dan *sidi* di atas. Misalnya, entri **ziarah** dalam KDP disediakan dengan maklumat etimologi yang tepat, tetapi **jirat** (jerat), yang diserapkan daripada kata Arab yang sama dengan **ziarah** tidak dilengkapi dengan maklumat etimologi. Jika dibaca entri dalam *Kamus Dewan* (2005), jelas bahawa entri **mandala** dan **mandalika** dalam KDP ditingkatkan mutu definisinya masing-masing, tapi dua entri itu serta entri **mika** tidak diberikan maklumat etimologi. Padahal ketiga-tiga leksem itu berasal daripada sumber bahasa Sanskrit yang sama, dan hakikat itu sudah dibahaskan dengan panjang lebar dalam dua terbitan *Dewan Bahasa dan Pustaka* (Collins 2001b; Collins 2018b:110–151).

Sesungguhnya, belum disemak kesemua 7000 entri yang dilengkapi dengan maklumat etimologi dalam KDP. Daripada jumlah yang disemak, hanya beberapa contoh yang dikemukakan di sini supaya dapat disampaikan pedoman ringkas tentang penyusunan SOP demi meningkatkan mutu dan skop KDP edisi kedua. Isu yang hendak disoroti ialah prosedur penyusunan dan penyuntingan maklumat etimologi dalam sesebuah kamus umum.

Kelompangan

Seterusnya, dalam fasal kelompangan ini bukan kandungan maklumat etimologi yang difokuskan tetapi kekosongan etimologi. Seperti yang sudah ditegaskan, buat pertama kali dalam sejarah perkamusan di *Dewan Bahasa dan Pustaka* diusahakan untuk menambahkan maklumat etimologi. Biasanya, dalam tradisi leksikografi penyusun kamus umum memanfaatkan kamus etimologi untuk mencari, memendekkan dan mengubah suai maklumat etimologi yang terdapat dalam kamus etimologi. Maka, pada tahap sejarah KDP yang masih baharu ini, sudah pasti banyak entri tidak lengkap dengan maklumat etimologi kerana belum ada kamus etimologi Melayu. Dalam perbahasan tentang fasal ini, beberapa entri akan ditinjau dengan mengumpulkan leksem yang berasal daripada bahasa yang sama dan menyemak maklumat etimologinya.

Dalam KDP (2020:1729) terdapat entri ini: “**piza** n makanan spt lempeng yg berasal dr Itali” Bukan makanan itu sahaja yang berasal dari Itali, tetapi kata **piza** juga berasal daripada bahasa Itali. Mengapa **tidak ada** maklumat etimologi? Walaupun tarikh kata ini masuk bahasa Melayu masih perlu diselidiki, namun leksem Itali ini sudah pasti masuk kosa kata Melayu melalui bahasa Inggeris **pizza**. Ada

perbezaan bentuk (ejaan) tapi maknanya sama dalam ketiga-tiga bahasa. Mungkin boleh ditambahkan keterangan etimologinya seperti yang berikut:

piza
ASAL: [drp Ing **pizza** drp Itl]

Perhitungan awal menunjukkan bahawa sekurang-kurangnya terdapat 40–50 leksem Melayu dalam KDP yang berasal daripada bahasa Itali biasanya melalui bahasa Inggeris. Sebahagiannya ditampikan di bawah:

diva	intermezo
adagio	tempo
piano	kantata
selo	alegro
solo	legato
opera	andante
opereta	largo
primadona	alegreto
balerina	sonata
balerino	kapucino
balet	pasta
forte	makaroni
fortepiano	spageti
fortisimo	lasagne
legato	vermiseli
lento	linguini
alto	mozarela
soprano	pistasio
kontralto	brokoli
presto	kartun
viola	malaria
sonatina	influenza

Daripada 44 leksem KDP yang terdapat dalam senarai tersebut, hanya **kartun** yang dilengkapi dengan maklumat etimologi yang menjelaskan bahawa leksem ini diserap daripada bahasa Inggeris (**cartoon**) yang menyerapkan istilah itu pula daripada bahasa Itali **cartone**. Dianggarkan 43 leksem yang lain, semuanya muncul di KDP tanpa maklumat etimologi—kecuali leksem **tempo** yang dilengkapi dengan

maklumat etimologi yang dianggap kurang tepat.²¹ Bahasa Itali antara beberapa bahasa yang kurang diperhatikan dalam hal penyusunan etimologi dalam KDP. Etimologi ratusan kata pinjaman daripada bahasa Inggeris dan bahasa Belanda juga diabaikan. Bagaimana pula dengan kata pinjaman daripada bahasa Asia?

Pada tahun 1701, Thomas Bowrey menerbitkan karyanya *A Dictionary English and Malayo, Malayo and English* di London. Kamus Bowrey ini melambangkan “*the ever-shifting complexity of 17th century Malay*” (Collins, 2018a:68), kamus ini harus diakui kamus Melayu-Inggeris pertama.²² Bowrey bukan petugas agama Belanda yang disekolahkan di Universiti Leiden, seperti Wiltens dan Danckaerts. Bowrey seorang pelaut dan pedagang yang berlayar dari pelabuhan di Calcutta (Kolkata) selama 20 tahun (1669–1688). Sebahagian data yang digunakannya membayangkan bahasa Melayu di pelabuhan Lautan Andaman, termasuk Pulau Phuket dan pesisir Kedah. Dalam kamus Bowrey di bahagian *English and Malayo*, terdapat entri:

Law or contention *Baggoam*

Jika entri *Baggoam* dicari di bahagian *Malayo and English*, terdapat banyak informasinya:

Baggoam, a Advocate, Solicitor, Intercessor, Prosecutor at Law, an Attorney, to Sue, Plead, Contend at Law...”

Malahan, Wilkinson (1932:376) juga memuatkan entri yang teliti untuk leksem **guam**. Mungkin yang relevan untuk perhatian di sini ialah komennya bahawa **guam** ini “*Common in N. Malaya in connection with lawsuits*” dan hampir semua frasa contohnya diperoleh di Perak, Kelantan dan Terengganu. Dalam KDP tidak ada keterangan tentang etimologi, walaupun terdapat dua entri **guam** dan **peguam**. Namun begitu, agak ramai sarjana Thailand yang menyatakan bahawa **guam** itu diserap daripada bahasa Thai. Menurut Dr. Titima Suthiwan, profesor pengasas program bahasa Thai di National University of Singapore, leksem **guam** ini dipinjam daripada kata Thai **khwaam** (*legal issue*) (perkara undang-undang).²³

Dalam bahasa Melayu banyak perkataan yang mungkin dipinjam daripada bahasa Thai. Umpamanya, entri daripada KDP yang berikut mungkin diserap daripada bahasa Thai tetapi tidak disediakan maklumat etimologinya, kecuali kata **lelap**:

bomoh	jenguk
menora	ngap
rambung	lelap ²⁴
natang	pelik

takraw	cam
tomoi	wat ²⁵
wau	keranjang
sebai	gerai

Hal ini tidak termasuk berbagai-bagai makanan di menu restoran Thai di Kuala Lumpur, seperti **nasi paprik**, **bihun ladna**, **som tam**, **ikan keng som** dan **tom yam**.²⁶ Semuanya wajar disemak dan dilengkapi dengan informasi etimologinya.²⁷

Selain bahasa Thai, harus difikirkan leksem yang dipinjam daripada bahasa Mon dan bahasa Khmer, yang termasuk Keluarga Bahasa Austro-Asiatik. Diffloth (1994) mencatatkan perkataan seperti **semut**, **ketam**²⁸, **helang** dan **sekoi**, tapi tiada keterangan etimologi dalam KDP. Dalam karya Ruslan (1999), leksem Melayu yang diduga berasal daripada bahasa Khmer termasuk **colek**, **telus**, **kampung**, **gocoh**, **cok**, **dan**, **celah**, **tangguk**, **sarong**, **serai**, **sekat**, **kacau**, **jeruk** dan daripada bahasa Mon: **jerai**, **huma**, **serkam**, **bendang**, **ketuat**, **emping**, **korek**, **keruh**, **heret**. Semuanya harus disemak, dikaji, dirundingkan dan diputuskan untuk menentukan maklumat etimologinya.

Tentu sahaja banyak juga leksem yang diserapkan daripada bahasa Jepun dan Korea, apatah lagi setelah dibuka banyak restoran yang menghidangkan makanan khas dari dua negara itu. Akan tetapi, mungkin sebaiknya kita memikirkan pelbagai bahasa Sinitik yang telah menyumbangkan puluhan, kalau bukan ratusan leksem kepada bahasa Melayu. Bagaimanakah kata pinjaman daripada pelbagai bahasa Sinitik diurus dalam KDP? Untuk membahaskan hal ini, sebaik-baiknya nomenklatur (penamaan) bahasa Sinitik yang lazim digunakan di Malaysia dibincangkan dahulu.²⁹

Sudah menjadi kebiasaan di Malaysia untuk menggunakan istilah “bahasa Cina”, seolah-olah semua bahasa yang dituturkan di negara China sama. Bahkan, bahasa Sinitik yang memang berbeza didefinisikan sebagai **dialek** Cina. Penutur bahasa Kantonis tidak mengerti percakapan dalam bahasa Hokkien, walaupun sistem tulisannya sama. Dialek Kedah dan dialek Sarawak memang dialek Melayu, tetapi bahasa Bidayuh, bahasa Bugis dan bahasa Jawa bukan dialek Melayu. Begitulah kedudukan sebenar bahasa dalam cabang Sinitik yang termasuk dalam Keluarga bahasa Sino-Tibet. Misalnya, bahasa Hokkien berstatus sebagai bahasa tersendiri dalam subcabang Min yang merupakan subcabang daripada cabang Sinitik dalam keluarga Sino-Tibet.

Di Malaysia, terdapat komuniti yang bertutur dengan bahasa Hokkien, bahasa Kantonis, bahasa Hakka dan bahasa Teochew. Keempat-empat bahasa ini merupakan bahasa dalam cabang Sinitik (Grimes, 1988:447–448). Dalam KDP (2020) hanya bahasa Kantonis yang didefinisikan sebagai bahasa; Hokkien, Hakka dan Teochew didefinisikan sebagai dialek. Selain empat bahasa ini, memang bahasa Mandarin³⁰

dipelajari di sekolah dan mungkin ada juga keluarga yang berketurunan bangsa Han (Cina) yang menggunakan bahasa Mandarin di rumah. Namun begitu, dalam KDP, jika ditemukan leksem yang dipinjam daripada salah satu bahasa Sinitik ini, semuanya dilabel “Cn” tanpa petunjuk tentang sumber bahasanya. Mungkin semua kata pinjaman yang dianggap kata pinjaman daripada “Cn” dalam KDP berdasarkan maklumat dalam *Kamus Dewan*. Mungkin juga jika leksem itu tidak dilabel dalam *Kamus Dewan* (edisi pertama), maka tidak diberikan maklumat etimologi dalam KDP. Misalnya dalam lajur ketiga pada halaman 2270 dalam KDP (2020), terdapat empat leksem yang berikut:

tauci
taucu
taufu
tauge

Dalam KDP, **taufu** tidak disertakan dengan keterangan etimologinya; etimologi tiga leksem yang lain dinyatakan sebagai “[drp CN {KD}]”. Pada hakikatnya, semuanya berasal daripada kata **tau** “kacang” dan semuanya dipinjam daripada bahasa Hokkien.

Jika ditelusuri set semantik yang berkaitan dengan teh dan budayanya, dalam KDP terdapat definisi yang lengkap untuk **cawan**, **teh** dan **teko**, tetapi tidak ada maklumat etimologi; leksem **ca** “teh”³¹, yang terdapat dalam kamus Wilkinson (1932) dan *Kamus Dewan* (Iskandar:1970), tidak dimasukkan dalam KDP. Mungkin perlu diperhatikan juga bahawa dalam Bowrey (1701) terdapat entri **cha** “teh” dan **chawan** “cawan” tetapi tiada **teh** atau **teko**. Marsden (1812) pula hanya memuatkan **cawan** dan **teh**. Ternyata leksem **teh** dan **teko** berasal daripada bahasa Hokkien, tetapi **cawan** dan **ca** daripada bahasa Kantonis. Bahasa Kantonis juga menyumbangkan leksem **laici** dan **laicikang** dalam bahasa Melayu, tapi KDP hanya menawarkan etimologi “[drp Cn {KD}]” untuk **laici**; **laicikang** tidak dilengkapi dengan etimologi. Leksem **tapau** dan **capcai** juga terdapat dalam KDP tapi tiada maklumat etimologi. Sebenarnya, **tapau** daripada bahasa Kantonis, sedangkan entri tanpa etimologi seperti **capcai** dan **bohsia** serta entri **kamsia** dengan maklumat etimologi ringkas (Cn)—semuanya daripada bahasa Hokkien. Sayur **kailan** dan **pak coi** yang sering muncul di internet, misalnya /mingguan.wanita.my/ dan /myagri.my/, tidak terdapat dalam KDP; dua leksem yang sudah digunakan puluhan tahun di Malaysia ini berasal daripada bahasa Kantonis.³²

Bahagian 3 ini membincangkan secara umum kemungkinan semakan maklumat etimologi yang membingungkan dan melengkapkan entri yang belum disempurnakan dengan maklumat etimologi. Beberapa contoh yang dianggap relevan telah dipilih

dan dikemukakan, namun harus ditekankan lagi bahawa seluruh KDP belum disemak baris demi baris.

KESIMPULAN

Makalah ini meninjau maklumat etimologi dalam KDP. Aspek utama yang diteliti ialah format maklumat etimologi dan pemerhatian terhadap maklumat etimologi dalam KDP. Penelitian maklumat etimologi melibatkan kata warisan dan pinjaman. Daripada pemerhatian dikemukakan kemusykilan tentang maklumat etimologi beberapa perkataan Sanskrit, Latin dan Inggeris. Selain itu, dikemukakan kelompangan terhadap beberapa entri yang tidak diberi maklumat etimologi dalam KDP.

Prosedur pelaksanaan bahan; dan prosedur (SOP) haruslah telus dan disemak dari segi keseragaman oleh pembantu editor dan penilai yang menangani maklumat yang disumbangkan sama ada kata warisan mahupun kata pinjaman. Untuk edisi KDP yang berikut serta untuk kamus etimologi Melayu yang ditunggu mesti dibahaskan dan ditentukan supaya staf perkamusan dapat bekerja dengan keyakinan kerana prosedur sudah jelas dan efektif.

KDP terserlah sebagai kamus bahasa Melayu yang paling lengkap, bukan sahaja kerana jumlah entri dan subentrinya paling banyak tetapi juga kerana mutu entri, terutamanya definisinya, memang luar biasa. Sudah hampir seratus tahun masyarakat penutur bahasa Melayu serta sarjana Nusantara menunggu kamus Melayu yang mengatasi kamus Wilkinson (1932). Penantian itu berakhir dengan terbitnya KDP.

NOTA

- 1 Lihat sahaja ringkasan tentang perkamusan dan perkembangan ilmu linguistik pada era 1960-an dan 1970-an dalam Collins (2001a). Dalam hal ini, pendapat Malkiel (1993:146) tentang perkembangan usaha etimologi pada jangka waktu yang lebih panjang mungkin relevan.
- 2 Sejarah perkamusan Melayu bermula pada abad ke-16, semasa Antonio Pigafetta mengumpulkan kosa kata Melayu di Pulau Tidore pada tahun 1521 dan menerbitkannya dalam bukunya *Viaggio Attorno il Mondo* pada 1550 (Collins 2018a:24–25). Karya Pigafetta ini disusun dan diterbitkan sebelum daftar kata yang diusahakan oleh Yang Pin pada tahun 1549, “tetapi hanya diterbitkan di London dalam artikel Edwards dan Blagden pada tahun 1930–32” (Collins 2001a).
- 3 Istilah kognat bermakna kata yang seketurunan dalam keluarga bahasa atau subcabang keluarga bahasa yang sama.
- 4 Misalnya, maklumat etimologi yang melibatkan bahasa Melayu seperti COMPOUND2 [1670–80; alter., by association with COMPOUND1, of Malay kampung village, collection, gathering; cf. KAMPONG] dan GODOWN. Lihat juga Yule, H. dan A.R. Burnell (1886).
- 5 Adelaar (2005) mengemukakan hipotesis klasifikasi bahasa Melayu dalam subcabang “Malayo-Sumabawan” yang tidak dianggotai bahasa Jawa, tetapi dianggotai beberapa bahasa lain. Dalam

KDP (2020), hipotesis Adelaar itu tidak dirujuk dan tidak diikuti. Maka, dalam makalah ini juga klasifikasi Nothofer (1975) tetap digunakan.

- 6 Pada akhir abad ke-20, di Malaysia banyak mesyuarat dan seminar diadakan tentang perlunya kamus etimologi Melayu, akan tetapi cadangan dan kegiatan itu tidak diteruskan.
- 7 Bentuk pr-ape-n “tungku (dapur)” ini dipetik daripada karya Dempwolff (1938:16).
- 8 Mungkin jika teks prasasti Melayu di Sumatra dan Bangka diteliti atau teks lain yang dicatat sebelum usaha Pigafetta (misalnya, Batu Bersurat Terengganu) diteliti, akan ditemukan leksem AIR. Maka, tarikh ini boleh diubah sesuai dengan hasil penelitian baharu.
- 9 Svensen (2009:334) menjelaskan bahawa “[A]n indication of etymology in a general-purpose dictionary will mostly be an abridged version of the description given by an etymological dictionary.” Malangnya, belum ada kamus etimologi Melayu; oleh sebab itu, dalam perbahasan di sini etimologi dalam subcabang Melayu-Javanik diusahakan untuk menunjukkan struktur maklumat etimologi yang lazim dalam kamus umum.
- 10 Dalam karya de Houtman (1603), yang berdasarkan data di Banda Aceh pada akhir abad ke-16, *ceniny* (“senenek”) bererti “sepupu” (Lombard 1976).
- 11 Mudah-mudahan “Wi” merujuk kamus Wilkinson (1932). Jangan-jangan di Dewan Bahasa dan Pustaka masih ada kecenderungan untuk menggunakan kamus Wilkinson (1903). Versi 1903 itu dirombak, ditambah, diperbetul oleh Wilkinson sendiri sehingga kamus yang jauh lebih bagus diterbitkan 30 tahun kemudian. Sesungguhnya, kandungan kamus Wilkinson (1932) jauh lebih lengkap dan tepat. Sebelum KDP diterbitkan, kamus Wilkinson (1932) yang diakui kamus Melayu yang paling bagus. Kita harus menganggap kamus Wilkinson (1903) sebagai percubaan dan memang bukan pedoman usaha leksikografi abad ke-21 ini.
- 12 Definisi yang berkaitan dengan benteng VOC masih didapati dalam *Kamus Besar Bahasa Indonesia* (KBBI 2016:1000), tetapi definisi 1–3 dalam KDP memang tidak dikenali di Indonesia.
- 13 Namun begitu, sumber bahasa Arab yang diserapkan dalam bahasa Portugis sebenarnya kata serapan daripada bahasa Arab *faluwah* > *faluga* (Collins 2018b:175). Pembaca boleh menyemak kamus etimologi bahasa Portugis (Machado, 1977).
- 14 Sebenarnya etimologi sidi sudah dibicarakan dengan ringkas dalam Collins (1996a).
- 15 Sila baca *Preface* (Wilkinson 1932:1–1v) tentang sejarah penyusunan kamus termasyhurnya itu, terutamanya penggunaan buku sastera, kajian lapangan dan diskusi *focus group* serta impak perang dan politik di Asia barat yang mempengaruhi penyelesaian kamusnya.
- 16 Sejak karya Heurnius (1650), perhatian tentang pengaruh bahasa Sanskrit dalam bahasa Melayu diketahui. Sarjana Inggeris dan Belanda menulis tentang hubungan dua bahasa Asia itu. Misalnya, Marsden (1812) memasukkan maklumat etimologi Sanskrit dalam kamusnya. Begitu juga, van Ronkel menerbitkan pelbagai artikel dalam jurnal Belanda (1900–1914) tentang kata pinjaman Sanskrit, Tamil dan Hindi dalam bahasa Melayu. Sila lihat dokumentasi dalam Collins (2009).
- 17 Jika dicari istilah *siddha* and *siddhi* melalui Google, banyak juga posting, contohnya “*Siddha means the perfect one, the self-realized one, an adept, the pure one*” (<https://templesinindiainfo.com/shiva-and-shaivism-siddha-and-siddhi/>) atau “*siddhi Buddhism any occult power acquired through discipline*” (<https://www.collinsdictionary.com/>).
- 18 Definisi kedua dalam KDP ini dilabel Id dengan makna anggota gereja. Definisi ini kurang tepat kerana, misalnya di kalangan orang Protestan di Ambon, syarat untuk menjadi anggota gereja jelas: calon anggota harus melalui latihan, kegiatan dan pendidikan selama berbulan-bulan sehingga lulus dan dibolehkan mengikuti upacara sidi. Nampaknya ada kesinambungan antara

- konsep sisi “ahli, anggota” ini dengan definisi de Houtman (1603) “anggota suatu kumpulan” dan juga definisi siddhi (Gonda 1952).
- 19 Dalam tulisan Basu (2008) di India bahagian barat (Gujerat), hamba di istana yang sudah dikembiri juga dinamakan sisi.
 - 20 Mungkin pembaca sudah melihat beberapa kesalahan lain dalam maklumat etimologi asisten dalam KDP. Pertama, bahasa asal, yakni bahasa Latin, tidak dinyatakan dengan label “Lt.”; tidak ada label. Kedua, definisi kata asas, sepertinya, tidak lengkap: “menempatkan diri atau berdiri atau berhenti di”. Ayat ini berakhir dengan “di”?? Apakah ini kekhilafan orang yang menulis maklumat etimologi atau editor? Sepertinya, ada masalah dalam entri interen juga. Definisinya tepat dan memang kata yang dilabel Id itu diserapkan daripada bahasa Belanda intern, tapi makna kata Belanda salah dalam maklumat etimologi KDP! Dalam bahasa Belanda intern bererti “dalam, dlm lingkungan sendiri”, bukan makna dalam KDP “merosotkan uang sendiri”. Sekali lagi, kita bertanya: Ini kesalahan editor atau siapa?
 - 21 Dalam KDP, kata tempo ini dijelaskan sebagai kata yang berasal daripada bahasa Portugis sesuai dengan pendapat Wilkinson (1932). Namun begitu, definisi Wilkinson, “time; extension of time; delay” berbeza dengan definisi KDP. Entri tempo (dengan ejaan tanpa -h begini) “1 Muz ukuran kelajuan sst rangkap lagu atau muzik...” merupakan istilah muzik antarabangsa. Dalam konteks ini memang tempo dipinjam daripada bahasa Inggeris yang meminjamnya dulu daripada bahasa Itali.
 - 22 Ada juga kamus/kosa kata Inggeris-Melayu yang diterbitkan sebelum kamus Bowrey, tapi terbitan itu berdasarkan terjemahan daripada buku yang berbahasa Belanda. Lihat Collins (2018a).
 - 23 Lihat juga Mohamed Yusoff (1989:45).
 - 24 Dalam KDP, lelap dianggap kata warisan, tetapi sekali lagi kemungkinan peminjaman daripada bahasa lain tidak diperkirakan.
 - 25 Rupanya, leksem Thai ini diserapkan daripada bahasa Sanskrit *vāṭa*, *an enclosure, (either) a fence, wall, (or) a piece of enclosed ground, garden, park, plantation* (Monier- Williams 1899). Jadi etimologinya mungkin boleh dicadangkan seperti ini:
ASAL: [drp Thai drp Skt *vāṭa* “tanah yang dipagari, taman’]
 - 26 Dalam KDP terdapat entri tomyam tanpa maklumat etimologi, tetapi paprik, ladna, som tam dan keng som tidak ditemukan dalam KDP.
 - 27 Mungkin Dr. Titima Suthiwan boleh membantu dalam usaha ini.
 - 28 Entri semut (KDP 2020:2035–2036) dan ketam dalam KDP (2020:1094–1095) memang padat dan panjang; semut dua lajur penuh, ketam satu lajur genap. Namun begitu, kedua-duanya tidak dilengkapi dengan etimologi.
 - 29 Masalah penamaan pelbagai bahasa Sinitik yang dituturkan di Malaysia sering dibincangkan dengan rakan sepenelitian bahasa di Malaysia dan Indonesia, iaitu Prof. Madya Dr. Chong Shin (Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia). Kami juga sudah banyak kali bercakap tentang istilah yang berkaitan dengan teh dan berbagai-bagai kata pinjaman lain daripada bahasa Hokkien dan bahasa Kantonis. Diucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Dr. Chong yang sering meluangkan masa untuk berdiskusi tentang pelbagai topik bahasa dan budaya di alam Melayu.
 - 30 Menurut KDP (2020:1405), Mandarin merupakan “bahasa rasmi negara China...”
 - 31 Jika tidak salah ingat, kata *ca* masih digunakan dalam varian Melayu yang dituturkan di Pulau Pinang.
 - 32 Atau bahasa Hakka. Soalnya sebutannya sama.

PENGHARGAAN

Makalah ini dibentangkan dalam Kolokium Perkamusan Melayu: Kamus Dewan Perdana Khazanah Unggul Negara, yang diadakan di Balai Seminar, Dewan Bahasa dan Pustaka, pada 27 September 2022. Pengarang juga mengucapkan syabas kepada Bahagian Perkamusan, Dewan Bahasa dan Pustaka, atas kejayaan yang nyata dan komitmen yang tegas untuk memajukan lagi ilmu leksikografi Melayu.

RUJUKAN

- Abang Sallehuddin Abang Shokeran. (2020). Kata pengantar. Dalam *Kamus Dewan Perdana*, hlm. xi. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adelaar, K.A. (2005). Malayo-Sumbawan. *Oceanic Linguistics*, 44(2), 357–388.
- Ahmad Fauzi Mohd. Basri (Ed.). (1992). *Misa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Andaya, W. & Andaya, B. (1979). *The abode of grace: A study of an eighteenth-century Malay state*. Oxford University Press.
- Basu, H. (2008). Music and the formation of Sidi identity in western India. *History Workshop Journal*, 65, 161–178.
- Bausani, A. (1972). *L'Indonesia nella relazione di viaggio di Antonio Pigafetta*. Istituto Italiano per il Medio ed Estremo Oriente.
- Blust, R. A. & Trussel, S. (2022). *Austronesian comparative dictionary*. <https://www.trussel2.com/ACD/>
- Bowrey, Thomas. (1701). *A dictionary English and Malayo, Malayo and English*. Sam Bridge.
- Burrow, T & M. B. Emeneau. (1968). *A Dravidian etymological dictionary*. Clarendon Press.
- Collins, James T. (1996a). Of castles and councillors: Questions about *baileu*. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde*, 152, 191–203.
- Collins, James T. (1996b). Kata-kata serapan bahasa Eropa dalam bahasa Melayu dan bahasa Indonesia: Tantangan ilmiah. Dalam *25 tahun studi Belanda di Indonesia. 25 jaar studie Nederlands in Indonesië*, diedit oleh Setiawati Darmojuwono, Lilie Suratminto dan Kees Groeneboer, Hlm. 491–519. Depok: Fakultas Sastra, Universitas Indonesia.
- Collins, James T. (2000). *Kata Pinjaman Indik: Penyaluran dan pengesanan dalam Bahasa Melayu*, Makalah undangan, Kursus Etimologi II, 12–13 April 2000, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Collins, James T. (2001a). Kamus Melayu dan ilmu perkamusan. *Dewan Bahasa*, 1(12), 22–30.
- Collins, James T. (2001b). Etimologi bahasa Melayu: *MIKA*. *Dewan Bahasa*, 1(11), 22–36.
- Collins, James T. (2002). *Lexicography and the OED. Pioneers in the untrodden forest: Dari sudut pandangan leksikografi dan perspektif sejarah linguistik*. *Dewan Bahasa*, 2(3), 20–27.

- Collins, James T. (2009). *Bahasa Sanskerta dan bahasa Melayu*. École Française d'Extrême-Orient.
- Collins, James T. (2018a). *Malay: World language: A short history*. Third, revised edition. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, James T. (2018b). *Mukadimah ilmu etimologi*. Edisi kedua. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, James T. (2021). *Bibliografi dialek Melayu di Pulau Sumatera*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dempwolff, Otto. (1938). *Vergleichende Lautlehre des Austronesischen Wortschatzes*. Jilid 3. Austronesisches Worteverzeichnis. Dietrich Reimer; Friederichsen, DeGruyter.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan*. Edisi keempat. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2020). *Kamus Dewan Perdana*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Diffloth, G. (1994). The lexical evidence for Austric, so far. *Oceanic Linguistics*, 33(2), 309–321.
- Edwards, E. D. & Blagden, C. D. (1930–1932). A Chinese vocabulary of Malacca Malay words and phrases collected between A.D. 1403 and 1511 (?). University of London. *Bulletin of the School of Oriental Studies*, 6, 715–749.
- Faziela. (2012). Si mangkuk tingkat. Jemari Seni Snd Bhd
- Flexner, Stuart Berg (Ed.). (1987). *The Random House dictionary of the English language*. Second Edition. Unabridged. Random House.
- Gallop, Annabel Teh. (1991). *Golden letters. Writing traditions of Indonesia. Surat emas. Budaya tulis di Indonesia*. Bersama B. Arps. Yayasan Lontar.
- Gonda, J. (1952). *Sanskrit in Indonesia*. The International Academy of Indian Culture
- Grijns, C.D., J.W. de Vries & L. Santa Maria. (1983). *European loan-words in Indonesian. A check-list of work of European origin in Bahasa Indonesia and traditional Malay*. Koninklijk Instituut voor Taal-, Land- en Volkenkunde and Indonesian Etymological Project.
- Grimes, B. F. (1988). *Ethnologue: Languages of the world*. Edisi le-11. Summer Institute of Linguistics, Inc.
- Houtman, F. (1603). *Spraeck ende word-boek, inde Maleysche ende Madagaskarsche talen met vele Arabische ende Turcsche woorden ...t'* Amstelredam: Ian Evertsz.
- Iskandar, Teuku. (1965). *Misa Melayu dan pengarangnya Raja Culan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Iskandar, Teuku. (Ed). (1970). *Kamus Dewan*. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Iskandar, Teuku. (1995). *Kesusasteraan klasik Melayu sepanjang abad*. Jabatan Kesusasteraan Melayu, Universiti Brunei Darussalam.
- KBBI. (2005). *Kamus Besar Bahasa Indonesia*. Edisi kelima. Jakarta: Badan Pengembangan dan Pembinaan Bahasa.
- Landau, Sidney I. (1989). *Dictionaries: The art and craft of lexicography*. Cambridge University Press.

- Lombard, D. (1970). *Le 'Spraeck ende word-boek' de Frederick de Houtman: Premièrre méthode de malais parlé (fin du XVIe s)*. École française d'Extrême-Orient.
- Machado, José Pedro. (1977). *Dicionário etimológico dan Língua Portuguesa*. Edisi ke-3, Jilid I. [Lisboa]: Livros Horizonte.
- Malkiel, Yakov. (1993). *Etymology*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Marsden, W. (1812). *A dictionary of the Malayan language in two parts, Malayan and English and English and Malayan*. Cox and Baylis.
- Mohamed Yusoff Ismail. (1989). Kata-kata pinjaman Thai dalam dialek Kelantan. *Warisan Kelantan*, 8, 42–50.
- Monier-Williams, M. (1899). *A Sanskrit-English dictionary: Etymologically and philologically arranged with special reference to cognate Indo-European languages*. The Clarendon Press.
- Muggleston, L. (Ed.). (2000). *Lexicography and the OED. Pioneers in the untrodden forest*. Oxford University Press.
- Nothofer, Bernd. (1975). *The reconstruction of Proto-Malayo-Javanic*. M. Nijhoff.
- [OED]. (1884–1928). *Oxford English Dictionary*. Vol. I–X. Oxford: Clarendon Press.
- Raja Chulan, (1991). *Misa Melayu*. Edisi ke-6. Penerbit Pustaka Antara.
- Ruslan Uthai. (1999). *Etimologi bahasa Melayu Patani: Sumber Tai-Kadai dan Austroasia*. (Disertasi Ph.D tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia
- Svensen, B. (2009). *A handbook of lexicography: The theory and practice of dictionary-making*. Cambridge University Press.
- Teeuw, A. (1961). *A critical survey of studies on Malay and Bahasa Indonesia. With the assistance of H.W. Emanuels*. M. Nijhoff.
- Veen, P.A.F. van en N. van der Sijs. (1997). *Etymologisch woordenboek: de herkomst van onze woorden*. Utrecht/Antwerpen. Van Dale Lexicografie.
- Wiltens, Caspar & Danckaerts, Sebastianum. (1623). *Vocabularium ofte Vvoort-boek naer ordre van den Alphabet in 't Duytsch-Maleysch ende Maleysch-Duytsch*. 's-Gravenhage: Weduwe ende Erfghenamen van Wiljen Hillenbant Jacobssz. van Wouw.
- Wilkinson, R.J. (1903). *A Malay-English dictionary*. Singapore.
- Wilkinson, R.J. (1932). *A Malay-English dictionary*. (Romanized). Salavopoulos and Kinderlis.
- Winstedt, R.O. (Ed.) (1919). *Misa Melayu*. Singapore: Methodist Publishing House.
- Yule, H. & A.R. Burnell, 1886 (1968). *Hobson-Jobson: A glossary of colloquial Anglo-Indian words and phrases and kindred terms, etymological, historical, geographical and discursive*. (Cetakan semula). Munshiram Manoharlal.